

KAJIAN KES KE ATAS KEKEMASAN TULISAN MURID TAHUN 2 DALAM KELAS PEMULIHAN KHAS BAHASA MELAYU

Oleh

Noraini Binti Ombi

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengkaji punca masalah tulisan tidak kemas seorang murid pemulihan yang bernama Nur. Beliau merupakan seorang murid yang dimasukkan ke kelas Pemulihan Khas disebabkan tulisan yang tidak kemas. Kajian ini dijalankan berdasarkan kajian terdahulu yang dilaksanakan oleh Levine (1987) serta Pressey dan Pressey (1926). Saya telah mengambil tindakan untuk membantu Nur memperbaiki tulisannya sepanjang tempoh praktikum saya di SK SEM. Berdasarkan pemerhatian yang saya buat, didapati murid ini sebenarnya tidak memegang pensel dengan betul ketika menulis. Saya telah melaksanakan beberapa tindakan iaitu mengajar cara memegang pensel dengan betul, menulis dengan postur badan yang betul, serta menyediakan banyak latihan menulis. Setelah menjalankan bimbingan selama 11 minggu, saya mendapati Nur telah dapat memperbaiki tulisannya. Berdasarkan hasil kajian ini, saya dapatkan cara memegang pensel akan mempengaruhi kekemasan tulisan murid.

1.0 Pengenalan

Sekolah Kebangsaan SEM (SK SEM) terletak kira-kira 20 kilometer dari bandaraya Kuching. Sekolah yang dikategorikan sebagai sekolah bandar ini mempunyai kira-kira 1,009 orang murid. Terdapat seramai 65 orang guru di sekolah ini. Sekolah ini mempunyai 24 kelas biasa, dua buah kelas prasekolah, sebuah kelas pendidikan khas dan sebuah kelas pemulihan khas. Saya telah berpeluang menjalani praktikum di sekolah ini selama 13 minggu bermula daripada 22 Jun 2009 sehingga 18 September 2009. Saya telah berpeluang untuk mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu untuk kelas pemulihan.

Walaupun sekolah ini terletak tidak jauh dari bandaraya, masih terdapat murid yang memerlukan pemulihan. Bagaimanapun untuk kelas pemulihan Bahasa Melayu Tahun 2, masalah yang menjadi fokus saya adalah masalah tulisan murid yang tidak kemas walaupun kebanyakan murid telah menguasai kemahiran membaca dengan baik. Jumlah murid yang ramai sehingga mencecah 45 orang dalam sekelas menyebabkan guru tidak dapat memberikan tumpuan kepada setiap murid. Murid-murid yang tidak mendapat tumpuan inilah yang kadang-kadang keciciran di dalam proses


pengajaran dan pembelajaran (p&p) yang kemudiannya dihantar ke kelas Pemulihan Khas.

1.2 Fokus kajian

Kajian ini bermula apabila saya memulakan latihan mengajar di kelas Tahun 2. Terdapat enam orang murid dari kelas Tahun 2 yang dihantar ke kelas Pemulihan Khas untuk mata pelajaran Bahasa Melayu. Saya mendapati murid-murid ini sebenarnya tidak bermasalah dalam bacaan, tetapi bermasalah dengan tulisan. Murid-murid ini boleh dikategorikan sebagai murid berpotensi kerana kesemua mereka boleh membaca dengan baik. Menurut guru pemulihan SK SEM, sebab utama murid-murid ini dihantar ke kelas pemulihan ialah kerana mereka tidak menulis dengan kemas ataupun dikatakan mempunyai tulisan "cakar ayam". Tulisan yang tidak kemas menyukarkan guru-guru kelas biasa untuk menyemak hasil kerja murid-murid ini.

Salah satu keperluan akademik di sekolah ialah kebolehan menulis. Kebolehan menulis diperlukan untuk semua mata pelajaran di sekolah. Guru sangat kenal akan tulisan buruk, dan selalunya marah kerana terpaksa memeriksa beratus-ratus halaman tulisan dalam setahun yang susah hendak dibaca. Dengan itu, saya merancang beberapa tindakan bagi membantu murid-murid ini untuk memperbaiki tulisan mereka. Saya merangka beberapa tindakan untuk murid-murid ini berdasarkan pembacaan saya mengenai cara memperbaiki tulisan melalui kajian-kajian terdahulu. Matlamat utama saya ialah, di akhir praktikum, murid-murid ini dapat memperbaiki tulisan mereka.

Untuk kajian ini, saya memberi fokus kepada Nur. Rajah 1 menunjukkan hasil tulisan Nur pada 13 Julai 2009 iaitu sebelum pelaksanaan tindakan saya.



Rajah 1: Hasil tulisan Nur sebelum tindakan pada 13 Julai 2009

Nur, seorang murid kelas Tahun 2, petah bercakap dan bijak. Dia amat aktif semasa proses p&p berlangsung. Nur juga mempunyai keyakinan diri yang sangat tinggi. Semasa dalam kelas, dia suka bertanya dan menjawab soalan. Di samping itu juga, saya dapat dia amat suka membaca. Kebanyakan masa di dalam kelas pemulihan, Nur amat suka membaca buku-buku cerita yang terdapat pada rak bacaan. Pada pendapat saya, Nur adalah murid yang sangat bijak dan amat rugi apabila beliau dihantar ke kelas pemulihan kerana tulisannya yang tidak kemas. Oleh kerana itu, saya bertekad untuk membantunya memperbaiki tulisannya sepanjang praktikum ini, agar dia dapat kembali belajar di dalam kelas biasa.


Tinjauan awal saya mendapati cara Nur memegang pensel adalah salah. Menurut Levin (1987), cara memegang alat tulis akan mempengaruhi bentuk tulisan yang dihasilkan oleh murid. Kelemahan dalam motor halus menyebabkan kanak-kanak menghadapi kesukaran memegang pensel, memasang butang baju dan memasang manik. Kanak-kanak yang menghadapi *dyspraxia* motor halus menunjukkan kelemahan dalam koordinasi motor.

Masalah *dyspraxia* motor halus menyebabkan ketidaktentuan cengkaman pada alat tulis (Levine, 1987). Kanak-kanak ini tidak berupaya mengawal saraf ketika memegang dan menggerakkan pensel secara stabil. Kanak-kanak yang tidak menggunakan motor halus ketika menulis menyebabkan cengkaman pensel yang tidak kuat. Mereka sebenarnya menggunakan lengan dan pergelangan tangan, dan bukan jari untuk menulis. Cengkaman yang terlalu kuat pada alat tulis dan jari yang terlalu dekat dengan mata pensel menimbulkan kesakitan kepada kanak-kanak. Mengikut Levine (1987), semua ini adalah faktor yang menyumbang kepada pembentukan huruf yang kurang cantik.

Pemerhatian saya mendapati Nur sering menggenggam keseluruhan penselnya. Teknik memegang pensel secara menggenggam ini menyebabkan Nur merasa sakit pada jarinya. Selain itu, Nur juga mengalami kesukaran untuk mengerakkan jarinya untuk membentuk huruf yang dia kehendaki. Levine (1987) menegaskan cara kanak-kanak memegang pensel dengan cengkaman yang kurang kemas menyebabkan pergerakan pensel menjadi tidak licin. Kanak-kanak yang mempunyai masalah kinestetik biasanya mencengkam pensel secara kuat dengan meletakkan ibu jari di atas jari telunjuk dan jari hantu ketika memegang alat tulis. Kanak-kanak begini tidak gemar menulis kerana aktiviti ini menjadi pengalaman yang menyakitkan bagi mereka.

Di samping itu, saya mendapati Nur suka menggunakan pensel yang amat pendek menyebabkan dia selalu tunduk ketika menulis. Menurut Norhadi Sarponen (2009), penggunaan pensel yang kurang sesuai juga merupakan

salah satu punca murid melakukan banyak kesilapan semasa menulis. Postur badan begini menyebabkan dia merasa tidak selesa semasa menulis. Gambar 1 menunjukkan contoh Nur berbuat demikian.



Gambar 1: Cara memegang pensel serta postur badan Nur yang salah

Sassoon (1993) pula mendapati guru kurang memberi penekanan kepada pengajaran menulis di kelas khususnya cara memegang alat tulis dengan betul, menulis huruf mengikut pergerakan yang betul, menentukan saiz huruf dan menentukan ruang antara huruf dan perkataan. Kanak-kanak sepatutnya didedahkan kepada kaedah menulis yang betul pada peringkat awal lagi supaya kanak-kanak minat untuk melahirkan idea melalui tulisan yang cantik dan penuh dengan kesenian. Tulisan yang cantik dan mudah dibaca adalah aset yang sangat berharga dalam kehidupan seseorang. Murid-murid sekolah didapati boleh menulis tetapi tidak menulis dengan cara yang betul. Dalam mengejar celik huruf, guru-guru kadang-kadang kurang memberi perhatian kepada pengajaran membentuk huruf mengikut pergerakan yang betul.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk memastikan Nur memegang pensel dengan betul semasa menulis; dan memperbaiki tulisan Nur agar menjadi lebih kemas dan boleh dibaca melalui latihan menulis yang kerap.

1.4 Persoalan kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- Adakah wujud hubungan cara memegang pensel (*dyspraxia*) Nur dengan kekemasan tulisannya?
- Bagaimanakah latihan menulis yang kerap membantu murid memegang pensel dengan betul serta mempertingkatkan kekemasan tulisan Nur?

2.0 Perancangan Dan Pelaksanaan Tindakan

2.1 Perancangan tindakan

Bagi mencapai objektif kajian ini, saya telah merancang beberapa aktiviti bimbingan untuk Nur. Pengajaran pemulihan tulisan bagi murid-murid

sekolah rendah adalah berdasarkan pengajaran tulisan yang betul dan kukuh. Peringkat pengajaran menulis terbahagi kepada tiga iaitu peringkat pratulisan, peringkat mekanis dan peringkat untuk pelahiran. Peringkat pertama iaitu pratulisan adalah tempoh masa murid-murid disediakan dengan aktiviti menulis sebelum mereka dapat menulis huruf-huruf dengan kemas dan betul. Dalam tempoh masa ini, latihan otot-otot, tangan dan jari serta koordinasi tangan dan mata dilaksanakan dalam kalangan murid dari awal-awal lagi. Bagi membolehkan mereka menguasai kemahiran membentuk lambang-lambang yang kemas dan jelas, pelajaran tulisan yang dirancang haruslah sistematik, bertitik-tolak daripada aktiviti-aktiviti pratulisan yang berbentuk bebas.

Latihan-latihan pratulisan menitikberatkan beberapa perkara seperti melakukan latihan-latihan pergerakan tangan terlebih dahulu seperti mengerakkan jari di atas garisan atau corak yang dilakarkan pada kertas. Tujuannya ialah supaya murid-murid dapat menguasai gerak tangan yang bebas untuk menulis dengan selesa dan sempurna. Latihan seperti membentuk bulatan di udara, meja, lantai, dan di atas pasir atau rumput tanpa menggunakan alat tulis seperti melukis bulatan besar dan kecil juga boleh dilakukan. Di samping itu, murid-murid boleh melakukan latihan pergerakan jari dengan memainkan jari, menekan jari, mengoyangkan tangan, meramas-ramas jari dan sebagainya. Setelah mahir dalam aktiviti-aktiviti tersebut, murid-murid boleh melakukan latihan-latihan pergerakan mata dan seterusnya melakukan latihan-latihan yang melibatkan koordinasi tangan dan mata. Antara aktiviti yang boleh dilakukan adalah seperti latihan mengikut garisan-garisan rajah atau gambar dari kiri ke kanan, latihan membentuk garisan lurus, latihan mewarnakan rajah berbentuk mudah dari kiri ke kanan atau dari kanan ke kiri dan seterusnya membentuk corak-corak gabungan antara bulatan dan garis lurus secara bebas.

Bahasa bertulis memerlukan perhubungan dengan bahasa dalam diri penulis, atau dalam fikirannya. Perihal menghubungkan bahasa lisan dengan bahasa fikiran adalah amat sukar. Dengan sebab ini, maka usaha pengajaran permulaan dalam penulisan biasanya amatlah susah, walaupun murid tersebut tiada kesusahan membentuk huruf. Seperti pengajaran bahasa juga, penulisan adalah lebih mudah dipelajari ketika murid masih kanak-kanak lagi, seperti pada umur empat tahun setengah. Latihan permulaan untuk kanak-kanak ini haruslah menggunakan pensel, atau krayon.

Untuk kes Nur, saya menggunakan langkah-langkah ini bagi membantunya menulis dengan betul. Oleh kerana Nur adalah murid yang cepat belajar, saya hanya perlu menerangkan cara-cara memegang pensel ini sekali sahaja dan dia dapat melakukannya dengan baik. Langkah-langkah yang

saya praktikkan untuk mengajar Nur memegang pensil dengan betul adalah seperti berikut.

1. Nur diminta memegang pensel dengan semua jari mengelilingi pensel tersebut. Kemudian, dia diberitahu supaya membayangkan bahawa dia sedang mengacau kuih. Dia patut mengacau dari kanan ke kiri dalam besen yang bulat, dan seluruh anggota tangan harus dihayun, bukan setakat tapak tangan sahaja.
2. Apabila Nur mahir membuat pergerakan bulat ini, dia ditunjukkan bagaimana tiga jari harus berada di sebelah belakang pensel. Pensel harus dipegang dengan ibu jari dan jari telunjuk.
3. Nur diminta menggerakkan pensel secara naik dan turun dengan menggunakan ibu jari dan jari telunjuk, sambil membiarkan tiga jari yang lain berada dalam keadaan senang dan selesa.
4. Kemudian, Nur diminta meletakkan ibu jari dan jari telunjuk hampir dengan mata pensel dan diminta melatih kawalan jari di kedudukan ini.
5. Setelah itu, Nur diajar melonggarkan pegangan pensel oleh ibu jari serta jari telunjuk supaya pensel dapat bersandar ke atas jari tengah (jari hantu) di kedudukan yang betul.

Selain itu, saya juga turut memastikan Nur duduk dengan postur badan yang betul ketika menulis. Postur badan yang betul adalah murid tidak terlalu tunduk ke meja serta memastikan lengannya berada di atas meja semasa menulis. Saya turut memberikan pensel yang lebih panjang untuk Nur menulis. Apabila Nur dapat memegang pensel dengan cara yang betul serta duduk pada postur badan yang betul, saya memastikan akan ada aktiviti atau latihan yang melibatkan penulisan pada setiap hari. Saya mengambil masa selama 5 minit untuk menerangkan kepada Nur serta memberikan teguran sekiranya tulisannya tidak kemas.

2.2 Pelaksanaan tindakan

Pelaksanaan tindakan ini saya mulakan pada minggu ketiga saya menjalani praktikum. Pada minggu pertama, saya membuat pemerhatian terhadap tulisan tangan yang dibuat oleh Nur pada buku-buku latihannya. Saya mendapati hasil tulisan Nur memang tidak kemas serta sukar untuk dibaca.

Pada minggu kedua praktikum, saya membuat pemerhatian terhadap sikap Nur apabila saya memberikan tugas yang melibatkan kerja bertulis. Daripada pemerhatian inilah saya mendapati cara Nur memegang pensel adalah salah, di samping postur badannya ketika menulis yang terlalu

tunduk menyebabkan tulisannya tidak kemas. Saya juga mendapati pensel yang digunakan untuk menulis terlalu pendek.

Pada minggu ketiga, saya mula memberikan bimbingan kepada Nur tentang cara menghasilkan tulisan yang kemas. Saya menunjukkan kepadanya hasil tulisan tangannya sebelum ini dan memintanya membaca tulisan tersebut. Ternyata dia sendiri tidak dapat membaca tulisan tersebut. Saya kemudiannya mengajar Nur cara memegang pensel dan cara duduk dengan postur yang betul semasa menulis. Saya turut memberikan pensel baru kepada Nur untuk menulis.

Oleh kerana Nur adalah murid yang berpotensi, saya tidak hendak dia membuat latihan menulis ayat berulang-ulang. Saya hendak Nur mengikuti pelajaran dan silibus yang sepatutnya. Oleh kerana itu, saya memastikan setiap latihan yang melibatkan aktiviti menulis pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p) adalah berdasarkan sukanan pelajaran yang sepatutnya. Saya mula mengutip contoh tulisan Nur pada minggu keempat praktikum iaitu pada 13 Julai 2009 sehingga minggu akhir praktikum iaitu 14 September 2009.

Seterusnya, saya meluangkan masa selama 5 minit untuk Nur selepas menyemak hasil kerjanya. Saya turut menerangkan kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh Nur dalam hasil tulisannya, contohnya, perkataan terlalu dekat, tulisan terlalu condong atau penggunaan huruf besar dan kecil yang salah. Sasaran saya ialah pada minggu ke-11 saya berpraktikum di SK SEM, Nur dapat menulis dengan kemas dan menggunakan tanda bacaan yang betul.

3.0 Metodologi

3.1 Teknik Mengumpul Data

Terdapat beberapa teknik pengumpulan data yang digunakan untuk menghasilkan data deskriptif agar gambaran yang lebih menyeluruh tentang proses yang berlaku dalam kajian ini diperoleh. Untuk tujuan tersebut, tiga teknik utama yang biasa digunakan dalam penyelidikan tindakan saya gunakan iaitu:

3.1.1 Pemerhatian

Untuk mengkaji dan memahami proses yang berlaku dalam bilik darjah, pemerhatian merupakan teknik berkesan dalam pengumpulan data. Lazimnya, dalam pemerhatian, saya melihat-lihat, mendengar, memerhati dan bertanya untuk mendapatkan maklumat serta untuk memahami apa yang berlaku dalam bilik darjah. Melalui pemerhatian, saya dapat merapatkan diri dengan murid di samping memerhati cara Nur menulis.

3.1.2 Temu Bual

Saya juga menggunakan teknik temu bual dalam bilik darjah. Temu bual melibatkan perbualan antara saya dengan guru pemulihian serta Nur untuk mendapatkan maklumat yang relevan dengan kajian. Dalam kajian ini, saya adalah guru (guru pelatih) dan juga penyelidik. Saya menemu bual Nur tentang pendapat atau pemahamannya tentang pengajaran penulisan yang dilaluinya.

3.1.3 Bukti Dokumen

Di samping teknik pemerhatian dan temu bual, saya juga memperolehi data daripada dokumen. Pengutipan maklumat daripada dokumen ini membolehkan saya menambah, membandingkan dan memperkuuh lagi data-data yang diperoleh daripada teknik pemerhatian dan teknik temu bual. Dokumen ini kemudiannya saya analisis untuk melihat bentuk, pola dan trend yang berlaku selain menyediakan bukti kukuh untuk menguatkan kredibiliti teknik temu bual dan pemerhatian. Untuk kajian ini, dokumen yang saya kutip adalah hasil kerja murid iaitu tulisan.

3.2 Teknik Menganalisis Data

Data yang saya perolehi terutamanya data dokumen iaitu hasil kerja murid dalam bentuk tulisan, saya analisis berdasarkan carta yang dinamakan *The Pressey Chart for Diagnosis of Illegibilities in Handwriting*. Carta ini boleh disediakan berdasarkan penyelidikan tulisan murid yang menunjukkan berbagai-bagai jenis tulisan dan bentuk tulisan yang tidak dapat dibaca. Antara bentuk-bentuk yang tidak dapat dibaca berdasarkan carta tersebut adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Carta berbagai jenis tulisan dan bentuk tulisan yang tidak dapat dibaca

Kesalahan tulisan	Semak
1. Perkataan terlalu rapat	
2. Terlalu condong	
3. Perkataan berpecah	
4. Huruf-huruf terlalu dekat	
5. Barisan terlalu dekat	
6. a seperti u	
7. e tertutup	
8. a seperti o	
9. a seperti ol	
10. b seperti li	
11. b seperti l	
12. b seperti k	
13. b seperti f	
14. n seperti u	
15. c seperti e	
16. c seperti i	
17. c seperti a	

18. d seperti cl	
19. d seperti l	
20. d seperti a	
21. e seperti o	
22. e terlalu tinggi	
23. e seperti c	
24. f seperti b	
25. g seperti y	
26. h seperti li	
27. h seperti p	
28. h seperti b	
29. h seperti l	
30. i seperti c	
31. i tanpa titik	
32. k seperti h	
33. l tertutup	
34. m seperti w	
35. n seperti v	
36. n seperti s	
37. o seperti a	
38. o seperti r	
39. o tidak tertutup	
40. o seperti u	
41. r seperti s	
42. r seperti i	
43. r terlalu kecil	
44. r seperti n	
45. r seperti u	
46. r seperti e	
47. s tidak jelas	
48. s seperti r	
49. s seperti c	
50. t seperti l	
51. t tangkai jauh	
52. t tiada tangkai	
53. t tangkai di kanan	
54. t tangkai di kiri	
55. u seperti oi	
56. ur seperti w	
57. v seperti n	
58. v seperti r	
59. w seperti v	
60. w seperti m	
61. wr seperti ur	
62. d tidak ditutup	
63. l seperti cl	
64. T seperti l	

Daripada penyelidikan Pressey (1926), saya telah menyediakan carta untuk menganalisis tulisan Nur. Beberapa huruf didapati sering menimbulkan kerumitan, sebagai contohnya, huruf kecil 'r', 'n', 'e', 'a', 'o', 's' dan 't' menyebabkan kesilapan menulis lebih daripada 50 peratus (%). Huruf yang


paling menimbulkan kerumitan ialah ‘r’, diikuti dengan huruf ‘n’. Kesilapan yang sering berlaku ialah menulis ‘r’ seperti ‘l’; ‘n’ seperti u; menutup ‘e’; membuat ‘d’ seperti ‘cl’; ‘o’ seperti ‘a’; dan ‘a’ seperti ‘u’. Huruf besar biasanya mudah dibaca, kecuali huruf ‘L’. Oleh kerana tujuh huruf kecil dan satu huruf besar ini menyebabkan tulisan yang susah dibaca, adalah munasabah jika pengajaran pemulihan dalam penulisan diarahkan kepada menulis bentuk-bentuk huruf ini dengan betul. Teknik seperti ini telah menyebabkan Nur menghasilkan tulisan yang memuaskan.

4.0 Dapatan dan Refleksi

4.1 Dapatan Kajian

Berdasarkan analisis yang saya jalankan terhadap hasil tulisan Nur menggunakan carta *The Pressey Chart for Diagnosis of Illegibilities in Handwriting*, saya dapati wujud hubungan cara memegang pensel (*dyspraxia*) dengan kekemasan tulisan murid. Saya juga dapati latihan menulis dengan kerap membantu Nur mempertingkatkan kekemasan tulisannya. Banyak hasil tulisan Nur yang dikumpul sepanjang praktikum kerana banyak latihan menulis yang dibuat olehnya. Walau bagaimanapun, untuk tujuan kajian tindakan ini, saya hanya menganalisis tiga sampel tulisan Nur iaitu tulisan yang dihasilkan pada bulan Julai, Ogos dan September.


Gambar 2 menunjukkan cara Nur memegang pensel selepas pelaksanaan tindakan.



Gambar 2: Cara Nur memegang pensel yang betul


Rajah 2 menunjukkan hasil tulisan Nur pada 21 Julai 2009. Ini merupakan hasil daripada tindakan saya untuk minggu pertama Nur menulis dengan cara memegang pensel yang saya ajar. Saya dapati Nur amat kekok untuk menulis dengan cara yang saya ajar kerana kerana Nur telah terbiasa menulis mengikut caranya sendiri. Terdapat beberapa kesalahan yang dibuat oleh Nur dalam tulisannya. Huruf ‘F’ yang berada di tengah-tengah ditulis dengan huruf besar, jarak antara huruf terlalu dekat, ‘u’ seperti ‘n’,

huruf 'y' kecil ditulis di atas garisan, 'N' seperti 'Z' manakala jarak perkataan juga terlalu rapat.




Rajah 2: Hasil tulisan Nur selepas tindakan pada 21 Julai 2009

Tulisan Nur pada 17 Ogos 2009 adalah seperti yang ditunjukkan pada Rajah 3. Saya melihat terdapat peningkatan dari segi kekemasan tulisan Nur. Namun, masih terdapat kesalahan yang Nur buat semasa menulis iaitu menulis huruf 'a' seperti 'o', manakala 'r' masih ditulis seperti 'l' dan huruf 'u' seperti 'n'. Walau bagaimanapun, Nur dapat menulis huruf 'e', 't' dan 's' dengan kemas. Nur juga mula menulis di atas garisan. Jarak di antara huruf juga tidak terlalu dekat atau terlalu renggang.



Rajah 3: Hasil tulisan Nur selepas tindakan pada 17 Ogos 2009

Hasil tulisan Nur pada 14 September 2009 menunjukkan peningkatan yang ketara. Rajah 4 menunjukkan hasil tulisan Nur.



Rajah 4: Hasil tulisan Nur selepas tindakan pada 14 September 2009

Saya telah meminta Nur menulis lirik lagu "Lenggang Kangkung". Saya dapat tulisan Nur boleh dibaca. Nur juga telah dapat menjarakkan setiap perkataan. Nur juga telah mula menulis menggunakan tanda bacaan, contohnya, menggunakan huruf besar pada awal ayat. Walau bagaimanapun, saya dapat Nur masih menulis menggunakan tulisan yang saiznya kecil serta kadang-kadang ada perkataan yang tidak dijarakkannya. Saya percaya tulisannya akan kelihatan lebih kemas sekiranya beliau dibiasakan menulis menggunakan saiz tulisan yang lebih besar.

4.2 Pembelajaran saya

Tiga minggu sebelum saya tamat praktikum, Nur turut mengambil ujian Bahasa Melayu untuk kelas biasa. Saya telah dimaklumkan bahawa Nur telah lulus dengan baik dengan mendapat markah 68%. Saya amat gembira kerana menurut guru pemulihan, Nur akan dikeluarkan dari kelas pemulihan menjelang akhir tahun berikutan peningkatan mendadaknya dalam ujian kelas biasa.

Kesimpulannya, p&p akan berjaya mencapai objektifnya apabila guru memberikan bimbingan berterusan kepada murid. Tidak boleh wujud perkataan mustahil dalam kalangan guru dalam membimbing murid. Guru perlu sentiasa positif dalam usaha membantu murid ke arah perubahan yang lebih baik.

Saya merasa amat gembira dan puas hati kerana berjaya menyumbangkan sesuatu yang bermakna kepada murid bernama Nur iaitu melihat perubahan yang ketara dalam kualiti tulisan Nur sepanjang tempoh praktikum saya.

Saya percaya setiap murid ada potensi sendiri, maka guru perlu melihat murid mengikut keupayaan dan potensi diri murid tersebut.

Bibliografi

- Pressey & Pressey. (1926). Analyses of Three Thousand Illegibilities in the Handwriting of Children and Adults, *Educational Research Bulletin*, VI (13).
- Levine, M. D. (1987). *Developmental variation and learning disorders*. Cambridge, Massachusetts: Educators Publishing Service, Inc.
- Mohd Nor Izwan Bin Sulaiman. (2009). *Aktiviti pemulihan penulisan*. Dimuat turun daripada <http://mohdnorizwansulaiman.blogspot.com/2009/05/50-pemulihan-tulisan.html> pada 19 Oktober 2009.
- Norhadi Bin Sarponen. (2009). *Kemahiran asas menulis*. Dimuat turun daripada <http://cikguhaidi.wordpress.com/category/bahan-bantu-mengajar/> html pada 20 Oktober 2009.
- Sassoon, R. (1993). *The art and science of handwriting*. Dimuat turun daripada <http://books.google.com.my/books?id=7CZF2vcg7soC&pg=RA1-PA132&lpg=RA1-PA132&dq=sassoon+1993&source> pada 20 Oktober 2009.